

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 2 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1421-MQT0365
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah hala tuju Kementerian berkenaan sistem pelupusan sampah di Malaysia.

2. PR-1421-MQT0384
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status MyTV dan apakah hasil rundingan di antara pihak MyTV Production Sdn. Bhd. dengan Telekom Malaysia Berhad. Adakah MyTV akan diteruskan dan berapakah dekoder MyTV telah diagihkan kepada golongan B40.

3. PR-1421-MQT0402
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian Syarikat Prasarana dalam meningkatkan "*ridership*" pengangkutan awam di Lembah Klang sejak pelaksanaan pas pengangkutan awam MY100 dan MY50 pada Januari 2019 yang lepas dan bilakah program MY100 dan MY50 diperluaskan ke Pulau Pinang untuk memberi manfaat kepada semua pengguna bas Rapid Penang, Rapid Ferry (Butterworth-Georgetown) dan penumpang keretapi KTM Komuter Utara.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 2 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03089
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perbezaan kaedah atau mekanisme pelaksanaan inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) berbanding Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan berapakah jumlah sasaran pelaksanaan i-KeeP ini menjelang tahun 2020.

2. PR-1421-L03983
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan bagi menghapuskan sisa plastik import dari kilang haram yang dilihat menjejaskan alam sekitar.

3. PR-1421-L03007
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) apakah kedudukan akta-akta seperti Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 (POCA), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA); dan

 - (b) adakah Kerajaan akan memansuhkan akta-akta berkenaan seperti yang dijanjikan sebelum ini.

4. PR-1421-L(5)00027

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini ke atas usaha menaik taraf Hospital Besut sebagai hospital pakar, sebagaimana diumumkan oleh pihak Kerajaan pada Ogos tahun lalu.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

5. PR-1421-L02910

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjawat awam yang ditahan dan didakwa sepanjang 2018 kerana rasuah.

6. PR-1421-L04057

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah berjaya dianugerahkan pensijilan halal sejak pengumuman Bajet 2019 berkaitan RM100 juta dana untuk PKS bagi merencanakan sektor halal dan bagaimana kejayaan ini boleh memberi implikasi positif kepada industri halal.

7. PR-1421-L03321

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini kajian yang dijalankan dalam usaha untuk meningkatkan taraf sijil Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Apakah pelan tindakan segera yang telah dilaksanakan oleh Kementerian sejak awal tahun 2019.

8. PR-1421-L04211

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah bantuan sara hidup peserta FELCRA dipotong.

9. PR-1421-L03528

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan bercadang:-

- (a) artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dipinda agar undang-undang anti lompat parti adalah dibenarkan ; dan
- (b) artikel 48(6) Perlembagaan Persekutuan dihapuskan supaya seseorang wakil rakyat tidak dilucut hak untuk bertanding semula di kawasannya selama lima tahun jikalau meletak jawatan sebagai wakil rakyat.

10. PR-1421-L03865
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan justifikasi dasar tiada tawaran diskaun terhadap mana-mana notis kompaun yang dikeluarkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
11. PR-1421-L03655
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes-kes penculikan kanak-kanak di negara kita sejak 10 tahun yang lalu. Berapakah kes penculikan kanak-kanak yang telah ditangkap dan diselesaikan setakat ini.
12. PR-1421-L04113
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang dimulakan sejak 2016 dan dijangka siap pada 2020 sedangkan setakat Julai tahun lalu dilaporkan ia baru siap 25% sahaja.
13. PR-1421-L02930
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan "*Standard Operating Procedure*" (SOP) yang diikuti oleh pihak pengurusan lebuhraya di dalam menangani kes kemalangan di lebuhraya. Secara purata, berapa lamakah waktu yang diperlukan untuk memastikan aliran trafik kembali normal.
14. PR-1421-L04084
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesediaan untuk mengkaji semula denda saman AWAS yang sangat tinggi berbanding sebelumnya dan apakah ada kajian menyeluruh tentang keberkesanan sistem tersebut dalam mengurangkan kemalangan jalan raya.
15. PR-1421-L03118
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) cadangan menambahbaik kemudahan prasarana di Hospital Hulu Terengganu khususnya menukar peralatan rawatan yang berusia lebih 25 tahun ; dan
 - (b) cadangan meningkat bilangan doktor pakar atau MO (*medical officer*) yang bekerja luar waktu bekerja biasa (*on call*) ekoran bilangan pesakit yang semakin bertambah dari hari ke hari.

16. PR-1421-L03271
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) setakat hujung tahun 2018, berapakah jumlah mangsa sindiket penipuan atas talian (*online scammer*) di Malaysia ; dan
 - (b) apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi membanteras sindiket penipuan atas talian (*online scammer*).
17. PR-1421-L02952
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam membantu penglibatan pelajar-pelajar sekolah dalam program atau pertandingan inovasi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
18. PR-1421-L03147
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah reaksi pelabur terhadap terbitan bon samurai pertama Malaysia ; dan
 - (b) sejauh manakah bon samurai ini terlindung dari risiko ketidak tentuan kadar tukaran wang antara Ringgit Malaysia dan Yen Jepun yang boleh menyebabkan bayaran balik meningkat selepas tempoh matang.
19. PR-1421-L03073
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan kadar *survival* pesakit barah di Malaysia, yang dikatakan mempunyai kadar *survival* yang terendah di rantau ini, walaupun mempunyai khidmat dan fasiliti kesihatan yang terbaik di dunia.
20. PR-1421-L03821
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sasaran peluang pekerjaan yang bakal diisi oleh golongan belia pada tahun 2019 dan sejauh mana kerjasama rentas Kementerian dalam memastikan pengangguran belia akan terus dikurangkan dari semasa ke semasa.

21. PR-1421-L04135
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peratusan pulangan GST yang telah dikembalikan. Bilakah perkara ini akan selesai.
22. PR-1421-L03623
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk menangani golongan antivaksin dan apakah langkah pemulihan Kementerian untuk menangani kes penyakit kerintangan vaksin yang semakin meningkat.
23. PR-1421-L04158
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kematian Allahyarham Adib Mohd Kassim.
24. PR-1421-L04018
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat terperinci tentang kemahiran spesifik yang boleh ditawarkan bagi menyediakan tenaga-tenaga mahir dalam pelbagai bidang teknologi serta apakah perancangan daripada pihak Kementerian dalam mengkaji semula isu dalam skim Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutama dari aspek penumpuan bajet dengan cabang-cabang kepakaran.
25. PR-1421-L03131
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan bersedia untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan membuat perisytiharan harta setiap tahun sebagai salah satu usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk memerangi rasuah dalam kalangan pegawai Kerajaan.
26. PR-1421-L04252
Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudah hampir 5 bulan Jawatankuasa Kabinet MA63 ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh beberapa pemimpin Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, apakah perkembangan serta hasil yang telah diperolehi oleh Jawatankuasa ini dan apakah langkah-langkah serta hak-hak yang telah dilaksanakan serta dikembalikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 setakat ini.

27. PR-1421-L03369
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak dan warga emas berasaskan komuniti di kawasan perumahan.
28. PR-1421-L03860
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan jangka masa panjang daripada pihak Kementerian untuk mengurangkan risiko banjir kilat perumahan di sepanjang Sungai Kemena, Sungai Sibiyu ; dan
 - (b) apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan dan pengaliran di seluruh kawasan bandar Bintulu untuk mengelakkan banjir kilat terutamanya semasa musim tengkujuh.
29. PR-1421-L03910
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan silibus/kurikulum yang digunakan dalam bidang TVET relevan dengan perubahan industri 4.0 sekaligus membantu graduan bersaing dalam pasaran pekerjaan kelak.
30. PR-1421-L03851
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
- (a) berapakah peruntukan Kementerian, dan jenis-jenis bagi Sabah sejak 10 Mei 2018 hingga kini; dan
 - (b) apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji pelaksanaan Bekalan Air Luar Bandar serta Bekalan Elektrik Luar Bandar agar lebih terarah serta efisien.
31. PR-1421-L03795
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan yang diberikan kepada PDRM khususnya kepada Jabatan Logistik. Ini kerana melalui tinjauan saya, kegagalan PDRM bertindak dengan cepat dan pantas adalah kerana kelemahan logistik mereka terutamanya bagi daerah Kuala Muda dalam Parlimen Merbok.

32. PR-1421-L03039
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan ekonomi Malaysia dipacu kuat oleh pelaburan dan aktiviti yang dijalankan oleh sektor swasta. Apakah langkah yang dibuat untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk datang melabur di Malaysia. Nyatakan jumlah pelaburan yang diterima dalam sektor pembuatan (*manufacturing*) pada tahun 2016, 2017 dan 2018.
33. PR-1421-L02990
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang akan diambil atau sedang dirancang berkenaan rumah pangsa yang uzur, kerosakan lif dan memerlukan cat baru bagi kawasan Kapar.
34. PR-1421-L02891
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perbezaan di antara Rumah Transit dan PPR.
35. PR-1421-L04267
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah Pemastautin Tetap warga emas Malaysia yang telah diberikan kewarganegaraan sejak 9 Mei 2018 sehingga 31 Januari 2019. Nyatakan status pelaksanaan pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa yang merupakan warganegara Malaysia.
36. PR-1421-L03918
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Perhimpunan Aman 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Hasutan 1948.
37. PR-1421-L03223
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan mekanisme pemantauan pengoperasian kolej-kolej IPTS di seluruh negara, khususnya, Kolej IPTS Netherlands Maritime Institute of Technology di Johor Bahru yang diberitakan menggunakan nama MARA sebagai penaja pengajian bagi sesiambilan pelajar-pelajar tahun pengajian 2014/15, tetapi sebenarnya MARA menafikan bertanggungjawab sebagai penaja.

38. PR-1421-L03735
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah hasil yang telah disumbangkan oleh RAPID Pengerang sejak ianya mula beroperasi serta apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menggiatkan usaha untuk memastikan komuniti dan penduduk setempat juga mendapat faedah dari projek ini memandangkan penduduk setempat terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan modenisasi sekeliling yang begitu cepat yang juga melibatkan peningkatan kos sara hidup yang mendadak.
39. PR-1421-L03360
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu mengenai caj penuh kepada mereka yang berjaya dalam rayuan pertama menunaikan haji dan jemaah pengiring mahram haji yang mendatangkan ketidakpuasan hati orang ramai.
40. PR-1421-L03149
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah murid di sekolah rendah dan menengah aliran kebangsaan pada Januari 2019 dan pecahan mengikut kaum; dan
 - (b) apakah "*trend*" kemasukan murid-murid dari kalangan bukan Bumiputera ke sekolah-sekolah aliran kebangsaan bertambah atau menyusut dan setakat manakah kejayaan kementerian mengurangkan masalah guru duka lara yang bertugas berjauhan daripada pasangan masing-masing.
41. PR-1421-L03575
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah laktosa, sejenis gula semula jadi dalam produk tenusu, diambil kira di bawah "jumlah gula" yang digunakan untuk mengenakan cukai SSB.
42. PR-1421-L03959
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini projek solar MySuria dan adakah Kementerian bercadang untuk mempelbagaikan penggunaan ladang solar kepada aktiviti lain seperti pertanian dan penternakan selain daripada untuk mendapatkan tenaga elektrik sebagaimana amalan di negara-negara lain.

43. PR-1421-L03792
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan KPWKM melalui JKM memastikan pusat jagaan warga emas mendapat menarik perhatian orang awam dan warga emas itu sendiri untuk menjadikan pusat jagaan itu sebagai pusat sehenti harian.
44. PR-1421-L03059
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan kenaikan harga kepada 6405 barang dan semua perkhidmatan yang dikenakan SST. Pecahkan 6405 barang itu kepada kategori dan langkah-langkah untuk mengawal kenaikan harganya.
45. PR-1421-L04215
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk mengawal selia hutang 1 bilion Kerajaan Negeri, yang diluluskan penggunaan bagi tujuan membaik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak. Berapa buah sekolah daif di Sarawak, khususnya P205 Saratok.
46. PR-1421-L04065
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah yang akan diguna untuk melaksanakan peruntukan sebanyak RM1 bilion yang telah dipersetujui oleh Menteri semasa mengunjungi Ketua Menteri Sarawak pada 19 Februari 2019.
47. PR-1421-L04175
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes di mana seorang anggota polis di Sarikei didakwa merogol seorang perempuan berumur 19 tahun di balai polis Sarikei pada bulan Oktober 2018 dan kenapa tiada tindakan diambil berkenaan kes itu sehingga sekarang.
48. PR-1421-L03921
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan siasatan SPRM ke atas PAS yang dikatakan menerima dana sebanyak RM90 juta daripada UMNO sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu.
49. PR-1421-L03662
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada projek hospital pakar di Cinta Manis, Karak masih akan diteruskan. Jika ya, bilakah pembinaan dijangka bermula dan siap.

50. PR-1421-L03182
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kamera AES yang baru ditambah setakat ini untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya.
51. PR-1421-L03899
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah Rohingya secara menyeluruh dalam kerangka ASEAN dan jaminan kerakyatan kepada mereka serta menghentikan penindasan Kerajaan Myanmar.
52. PR-1421-L03335
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan pihak Kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat dapat diringankan dan kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan; dan
 - (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk mengembalikan cukai pendapatan yang dipungut di Negeri Sabah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri sebanyak 40%.
53. PR-1421-L03043
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pengusaha restoran atau kedai makan bukan Islam yang mempamerkan ayat-ayat suci Al-Quran bagi menarik pelanggan di kalangan orang Islam dan adakah pengusaha restoran berkenaan menggunakan sijil halal palsu.
54. PR-1421-L03717
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian mewajibkan semua premis institusi awam dan pusat beli belah untuk menyediakan "*nursing room*" untuk memudahkan urusan ibu-ibu yang mempunyai anak kecil.
55. PR-1421-L03596
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Kerajaan mengenai pondok-pondok agama warga emas, perlukah diletakkan di bawah Jabatan Agama, bagi memudahkan aspek pemantauan dan jagaan.

56. PR-1421-L03704
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh manakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya merapatkan jurang antara masyarakat dan DEB dapat meningkatkan tahap ekonomi golongan Bumiputera serta apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi tahap ekonomi Bumiputera.
57. PR-1421-L03381
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat.
58. PR-1421-L04243
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jadual pergerakan (*itinerary*), hasil, dan pencapaian lawatan kerja oleh Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawainya ke negara Turki pada Februari 2019 mengenai masalah perjudian *online*.
59. PR-1421-L03761
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah punca berlakunya kenaikan harga barang dan kos sara hidup rakyat walaupun GST sudah dihapuskan dan diganti dengan SST.
60. PR-1421-L(5)00025
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapa ahli lembaga terkini serta elaun bagi 7 badan berkanun, 9 organisasi di bawah Akta Syarikat dan 3 yayasan yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

61. PR-1421-L03343
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menetapkan pembelajaran dan pengajian Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah diletakkan di bawah dasar "*Pupils' Own Language*" (POL). Bilakah ketetapan ini akan dilaksanakan.

62. PR-1421-L02977
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan mengapa pihak pemaju perlu membuat sumbangan kewangan kepada Indah Water Konsortium (IWK) semasa memajukan sesuatu projek padahal IWK mengutip bayaran daripada pemilik premis.
63. PR-1421-L04128
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Tabung Haji tidak akan menanggung lagi subsidi bagi jemaah haji kali pertama yang diluluskan rayuan mereka.
64. PR-1421-L03526
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek perumahan rakyat yang akan dibina pada tahun ini terutamanya di Sarawak. Dan di manakah lokasi projek ini akan dilaksanakan.
65. PR-1421-L03972
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan fokus utama pembentukan Dasar Komuniti Negara terutamanya daripada aspek keselamatan penduduk dan kawasan kejiranan.
66. PR-1421-L04047
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sebab sebenar di mana 7 daripada daerah termiskin di Malaysia adalah di Sarawak. Apakah kaedah dan kriteria yang digunapakai dalam kajian kemiskinan tersebut.
67. PR-1421-L03690
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi keputusan kontroversi Peguam Negara menarik balik kes pendakwaan terhadap Siti Kassim.
68. PR-1421-L03253
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan benarkah Akta A1549 iaitu Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 bakal dihapuskan.

69. PR-1421-L03249
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan untuk mengkaji semula keputusan untuk tidak membina jalan penghubung di kawasan Paloh, Kedang, Berangan, Stalun, Mupong dan Bukit Kinyau. Kawasan-kawasan ini sangat memerlukan kemudahan asas ini untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan untuk kes-kes kecemasan.
70. PR-1421-L04188
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pengambil alihan tanah milik persendirian bagi Pakej 4A : CH 35900 – CH 44675 (8.775 km), Pakej 4B : CH 44675 –CH57300 (12.625 km) dan Pakej 5 : CH 57300 – CH 67368 (10.068 km) dalam memastikan pembangunan dan projek naik taraf laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering tidak tertangguh begitu lama. Seterusnya bilakah atau jangkaan projek Lebuhraya Pantai Barat (Banting Ke Changkat Jering, Taiping) dapat disiapkan sepenuhnya.
71. PR-1421-L04308
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pembinaan Klinik Kesihatan Kelas III Serian akan dimulakan sedangkan tapak tanah telahpun disediakan.
72. PR-1421-L03965
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah tempoh perjanjian di antara FELCRA dan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di kawasan Parlimen P.207 Igan akan tamat, apakah perancangan pihak FELCRA seterusnya selepas tamat tempoh tersebut.
73. PR-1421-L02961
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah cadangan untuk mewujudkan lapangan terbang di Parlimen Bagan Serai dalam daerah Kerian Perak untuk menampung aktiviti Lapangan Terbang Pulau Pinang yang sangat padat demi meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia utara akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 1/2019) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2018) 2019 **Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
 Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
 Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang "
 Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. **Menteri Kewangan akan mencadangkan :-**

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

5. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

6. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

7. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

8. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

9. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

11. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajiban buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

12. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product (GDP)* di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons (CEP)* dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

17. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013.

Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan. Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu. Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

21. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan begitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kadet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

24. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.65	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2017	2 April 2019
ST.91	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2018	2 April 2019
ST.94	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2017	2 April 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 02.04.2019 (Selasa)	1. YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	1. Permohonan Untuk Mendapatkan Kewarganegaraan Malaysia	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 02.04.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	2. Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**